

**ULASAN BAB DALAM BUKU /
BOOK CHAPTER REVIEW**

**Mengapa Tamadun Islam Menjadi Kaku Dan Tamadun Barat Menjadi
Gemilang Dalam Buku *Islam Hadhari Dalam Pembangunan Insan* oleh Dr. Said
Ramadhan al-Butiy. Putrajaya: Yayasan
Islam Hadhari, 2004, hlm. 154 - 176.**

(Why Islamic Civilization become Rigid and Western Civilization become Glorious
in the Book Islam Hadhari for Human Development)

Diulas oleh Anisah Binti Zainal Abidin*

Lot 7125, Jalan Melati 2, Sungai Kantan, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Tajuk bab ini persis judul buku yang masyhur dibahaskan semenjak itu berkaitan tamadun umat Islam dibangkitkan di negara ini, iaitu buku karangan al-Amir Shakib Arsalan¹, *Limaza ta'akhara al-Muslimun wa taqaddama Ghayruhum* (*Mengapa Umat Islam Mundur; Sedangkan Umat lain Maju*). Pemikiran Dr. Said Ramadhan al-Butiy ini wajar diberi perhatian oleh pemikir dan cendekiawan kerana persoalan ini dikupas dengan baik sekali, bertitik tolak daripada pengamatan beliau bahawa terdapat banyak pihak yang memberi ulasan dan saranan kebangunan semula umat Islam lebih membawa kesan negatif, iaitu lebih membawa perubahan sikap umat Islam kepada suka meniru daripada mencuba untuk menyumbang nilai tamadun Islam. Sikap ini timbul akibat mereka lebih suka menutup pintu ijтиhad daripada mengeluarkan idea untuk menjana pemikiran baru atas pelbagai alasan. Al-Butiy merasa aneh akan sikap begini kerana golongan ini tanpa sedar bahawa mereka sebenarnya menyumbang ke arah meneruskan aliran mundur bagi umat Islam yang sedang berusaha untuk maju.

Al-Butiy² amat kesal dengan sikap umat Islam yang masih bersikap tertutup, sedangkan mereka amat memerlukan idea baru untuk berubah. Bagaimanakah akan lahir idea baru dalam keadaan diri dibelenggu oleh sikap tertutup? Yang jelas sekali adalah tidak merelakan apa-apa unsur idea yang lahir daripada amalan ijтиhad, mengharamkan kegiatan percambahan idea dengan mengeluarkan fatwa atau bahawa kini pintu ijтиhad sudah tertutup, sekarang

*Corresponding Author: Anisah Binti Zainal Abidin. Lot 7125, Jalan Melati 2, Sungai Kantan, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia Email: nisah@gmail.com

Diserahkan: 2 Mac 2010

Diterima: 25 Jun 2010

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2010-0202-07>

tiada lagi orang yang layak berijtihad. Sesiapa sahaja yang mengeluarkan idea terus dikritik atas alasan tiada kelayakan untuk berijtihad. Akhirnya tiada siapa yang berani mengeluarkan idea baru. Sebagai contoh, sesiapa sahaja daripada cendekiawan atau kalangan ulama kecil di mana-mana tempat, mengeluarkan idea untuk memajukan harta yang terkumpul melalui kutipan derma di masjid-masjid untuk kumpulan modal umat yang disatukan sebagai kumpulan modal berbentuk bank, maka ada sahaja pendapat yang menghalang atas berbagai alasan. Walhal jika mereka memberi fikiran secara positif demi kemajuan umat, tentu banyak sekali alasan dan hujah yang mampu difikirkan untuk maksud kemajuan umat Islam. Demikian juga idea untuk memanfaatkan daging daripada ibadah qurban disimpan beku demi keperluan faqir miskin di mana-mana tempat yang lebih memerlukannya, sekali lagi pelbagai hujah diberikan untuk menghalang idea itu, walhal banyak lagi hujah positif untuk menyokong idea demikian dengan pelbagai fikrah yang lebih dinamis.

Di mana dan ke manakah hilangnya dinamisme fikrah umat Islam kini? Rata-rata para pendakwah Islam di mana-mana pun dengan rasa selesa dan mudah menawarkan penyelesaian, iaitu “kita hendaklah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah”. Dalam pernyataan kebanyakan golongan ini, mereka dengan mudah menyatakan bahawa semua penyelesaian masalah dunia ini terkandung di dalam kedua-dua sumber itu. Pendekatan simplistik ini tidak membawa apa-apa indikasi yang mampu merangsang sesiapa, bahkan para cendekiawan atau ulama pun, ke arah melahirkan rasa ingin berijtihad mengeluarkan idea dan pemikiran dengan rujukan istinbat daripada al-Qur'an dan hadith. Rujukan kepada kedua-dua sumber itu tetap terhenti pada tafsiran dan syarah yang agak jumud di dalam kerangka pemikiran ulama secara tradisional tanpa membuka ijtihad baru, malahan jika ada penafsiran atau syarah baru yang terkeluar daripada kerangka yang sedia ada, maka pemikiran itu dianggap terkeluar daripada pendirian ulama salaf yang dilabelkan sebagai sesat dan perlu diperbetul. Perkara ini jelas berlaku apabila Dr. Abdul Hayy bin Abd. Syukur menulis *Tafsir Pedoman Muttaqin* terbitan JAKIM dengan merujuk pemikiran ulama Syiah, maka kedengaranlah suara-suara ulama yang jelas menolak pemikiran demikian. Hal ini beliau nyatakan di dalam ucapan pendahuluan di dalam majlis pelancaran dua buah jilid yang pertama iaitu, juz pertama dan juz kedua tidak lama dahulu oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Sikap mencurigai pemikiran di luar kerangka Ahli Sunnah Waljama'ah dan apatah lagi pemikiran Barat dan takut terjerumus ke dalam kancah syirik dan maksiat atau menderhakai Allah, dijadikan sebagai alasan untuk tidak langsung memandang ke arah cara berfikir Barat. Mereka melihat potensi dinamisme setiap anggota umat dalam usaha pembangunan negara, adalah sikap yang merugikan agama, umat Islam dan negara. Sedangkan hal ini amat bertentangan dengan roh dan ajaran agama Islam itu sendiri. Malah kegemilangan dan kecemerlangan tamadun Islam dalam sejarahnya adalah kerana sifat

dinamisme para ulama dan anggota masyarakatnya dalam berinteraksi dengan unit-unit alam di sekitarnya. Di samping itu, mereka jugalah yang merupakan umat yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan kerana menyedari bahawa ia adalah tuntutan Islam. Kesedaran ini memang terdapat di kalangan sebahagian besar umat Islam kini. Dalam negara Islam tidak kurang dalam kalangan mereka yang berketrampilan dalam bidang ekonomi, pendidikan, pelbagai bidang sains, matematik, geografi, farmasi, perubatan, falsafah, kewangan, perbankan dan lain-lain walau pun asalnya dididik dalam tradisi pendidikan Barat. Namun mereka banyak diasuh untuk berfikir menurut kerangka Islam semasa penglibatan mereka bersama rakan-rakan di dalam pelbagai badan dakwah. Namun tiada sikap bersangka baik terhadap mereka, akhirnya mereka tidak banyak dimanfaatkan oleh ulama tradisional untuk menjana pemikiran besar ke arah pembangunan umat. Akibatnya mereka merasa terasing di dalam masyarakat sendiri. Akhirnya potensi besar golongan cendekiawan Muslim itu hilang begitu sahaja. Dalam keadaan begini, umat Islam terus menjadi umat pengguna, bukan masyarakat penyumbang. Akibat daripada sikap demikian umat Islam terus menjadi umat pengagung dan penyanjung Barat dan terus mendukung tamadun Barat. Lihat sahaja sekarang ini negara-negara Islam yang kaya dengan sumber alam tidak bersama-sama berusaha membangunkan tradisi keilmuan Islam, malahan terus mendidik generasi baru mereka untuk hanya mampu meneruskan tamadun Barat tanpa merasai bertanggungjawab meneroka ilmu di dalam kerangka Islam.

Al-Butiy mengakui bahawa beliau sudah sekian lama terlibat dalam kajian tentang tamadun Islam. Beliau dapati para pengkaji dan penulis di dalam bidang tamadun Islam, pertamanya tidak lari daripada mengeluarkan berulang kali, apa-apa yang merupakan hasil daripada tamadun Islam atau produk daripada tamadun pada sesuatu zaman kegemilangan Islam terutamanya yang berbentuk material. Keduanya, mengulangi puji-pujian oleh tokoh-tokoh pemikir Barat terhadap pemikir dan cendekiawan Islam dan sumbangan besar mereka dalam menjana idea terhadap usaha ke arah pembinaan tamadun Barat dan dunia umumnya. Namun mereka tidak menampilkkan apa-apa idea di sebalik kejayaan para cendekiawan dan ulama itu malah tidak pernah menyebut apakah asas atau pun roh yang membangkitkan kegemilangan tamadun tersebut. Para penulis Barat termasuk orientalis juga banyak yang menulis demikian, sehingga ada yang menulis judul yang memuji sumbangan besar ulama Islam dalam pembangunan tamadun manusia, antaranya ialah Zigid Honke seorang penulis dan orientalis wanita dari Jerman. Judul bukunya ialah *Mentari Tuhan Menyinari Dunia Barat*.

Antara sebab kegemilangan tamadun Islam sebagaimana yang dikutip oleh al- Butiy daripada tulisan Zigid Honke dan juga oleh para pemikir Barat lain yang lebih terkenal bahawa, para pemimpin umat Islam terdahulu “*menggalakkan pemikiran bebas dan toleransi*”. Berdasarkan pandangan ini, secara tidak langsung kita dapat memahami andainya umat Islam mahu

mengangkat semula martabat agama dan tamadunnya, mereka mestilah mengamalkan pemikiran (dan akhlak) bebas dan bersikap toleran walaupun terhadap perkara-perkara yang jelas bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam. Kemungkinan besar hasil daripada pandangan seumpama inilah yang melahirkan pemikiran-pemikiran liberal di kalangan umat Islam hari ini. Manakala antara sebab kemunduran dan kebekuan tamadun Islam pula, sebagaimana yang disebut oleh Zigrid Honke ialah “*Pengamalan ibadat silam dan keimanan terhadap perkara ghaib*”. Menurut al-Butiy, pandangan seumpama ini tidak menghairankan jika lahir dari kalangan orientalis atau pemikir Barat, kerana mereka tidak mempunyai penghayatan terhadap metode al-Quran berkaitan tamadun. Malah kebanyakan mereka menolak dan mengingkari segala sesuatu di luar alam benda. Mereka tidak percaya kepada segala yang tidak dapat ditimbang, dihitung dan diukur. Mereka menganggap bahawa iman kepada Allah dan alam metafizika adalah sebahagian dari andaian yang tidak diterima akal dan tidak dapat dibenarkan ilmu³. Tetapi bagi umat Islam yang benar-benar faham tentang ajaran Islam, sudah tentu pandangan ini tidak boleh diterima sama sekali. Malangnya, masih terdapat di kalangan umat Islam sendiri yang terpengaruh dengan fahaman Barat dan terjajah pemikirannya. Hal seumpama ini berlaku kerana terdapat sebahagian umat Islam yang terpegun dan terkejut dengan kemajuan Barat sehingga hilangnya kepercayaan terhadap pemikiran Islam dan budayanya sendiri⁴.

Penulisan yang paling menyentuh emosi para cendekiawan dalam bidang tamadun Islam kini ialah penulisan oleh Lewis⁵ dalam karyanya *What Went Wrong?: Western Impact and Middle Eastern Response*. Dalam buku ini tokoh akademik dunia dalam bidang tamadun Islam itu melahirkan rasa kesal beliau terhadap program penjajahan Barat yang melampau sehingga merosakkan asas pendidikan Islam yang mampu menjana pemikiran tamadun yang terbukti banyak menyumbangkan pemikiran tamadun untuk Dunia. Akibat sikap melampau program penjajahan Barat itu, umat Islam tidak lagi mampu melahirkan ulama dan cendekiawan yang menyumbang pemikiran ketamadunan kepada manusia sejagat.

Demi ke arah memperkasa semula umat Islam, suatu usaha ke arah pengislaman ilmu diputuskan untuk diadakan secara menyeluruh yang bermula dengan pengislaman ilmu di peringkat pengajian tinggi dan akhirnya sampai ke peringkat sekolah rendah. Antara yang memulakan idea ini ialah al-marhum Prof. Ismail al-Faruqi⁶. Gagasan yang dibawa oleh beliau mendapat dukungan pelbagai pihak. Kemuncak usaha ke arah pengislaman ilmu di Malaysia ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1983⁷. Seiring dengan ini lahir pula pada tahun yang sama ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)⁸. UIAM menawarkan pelbagai kursus pengajian yang berteraskan Islam, manakala BIMB pula menawarkan produk perbankan dan kewangan yang berasaskan syariah Islam. Ini merupakan antara nilai-nilai asas di dalam tamadun Islam.

Tofler⁹ mengkritik pimpinan dunia bahawa mereka hanya melihat fenomena luaran untuk menyelesaikan masalah, walhal perkara pokok yang akan membawa penyelesaian ialah hal-hal dalaman. Umat Islam sudah lama mendapat petunjuk Ilahi bahawa “sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri” (al-Ra‘d 13: 11). Namun kini umat Islam sendiri tidak memiliki persepsi tentang pendekatan al-Qur'an tersebut. Mereka gagal merasai kesan *basirah* al-Qur'an untuk memahami hakikat alam, manusia dan kehidupan. Hawa nafsu telah menghalang manusia daripada prihatin kepada keperluan meletakkan dunia di tempat yang sepatutnya.

Jadi, mana-mana manusia yang memadukan alam, manusia dan kehidupan dengan dinamis akan berjaya menampilkan diri dalam bentuk yang kelihatan maju dan bertamadun, walau pun jauh daripada hakikat tamadun yang sebenar. Inilah yang dicapai oleh masyarakat Barat selama ini. Ternyata dalam ketamadunan yang didakwa telah mereka capai itu, kehidupan mereka yang sebenar sudah hilang nilai-nilai kasih sayang antara anggota keluarga, kes-kes bunuh diri akibat kekecewaan dan seumpamanya semakin bertambah hari demi hari. Hubungan antara unit keluarga yang semakin renggang, anak-anak yang tidak lagi menghormati ibu bapa, kes-kes jenayah yang berleluasa terus berlaku. Jadi, yang kelihatan maju hanyalah kehidupan yang serba mewah, bangunan-bangunan yang kelihatan besar, tinggi mencakar langit, cantik dan tersergam indah, namun hakikat kehidupan yang bahagia, damai, harmonis masih jauh daripada yang sebenar. Semuanya ini hanya tempelan sahaja.

Umat Islam juga mampu mencapai keadaan kehidupan yang maju, indah seperti tahap kehidupan di atas. Malahan mereka lebih mampu melestarikan untuk seluruh manusia dengan syarat mereka menzahirkan perhambaan mutlak terhadap Allah. Selanjutnya merealisasikan perhambaan ini melalui interaksi dengan semua kehidupan dan unit-unit alam di sekitarnya seperti yang ditentukan oleh Allah s.w.t berdasarkan manhaj yang diwajibkan-Nya. Syaratnya apa-apa yang mereka lakukan itu didorong oleh rasa tunduk yang mutlak kepada kekuasaan Allah dengan rasa takut akan balasan-Nya.

Abul Hasan Ali al-Nadawi di dalam bukunya *Apa Derita Dunia Bila Umat Islam Mundur* menegaskan bahawa umat Islam zaman silam bangun untuk menyelamatkan manusia di dunia daripada kesesatan, mengeluarkan manusia daripada perhambaan manusia ke atas manusia, kepada perhambaan manusia kepada Allah. Pada mereka tiada niat untuk memperluas pemerintahan mereka atau jajahan takluk kerajaan mereka. Inilah rahsia kejayaan pembinaan tamadun kerana manusia adalah unsur penting dalam korpus ketamadunan sesebuah bangsa. Komen al-Nadawi ini wajar diberi pengamatan oleh para cendekiawan Muslim untuk memberi fokus kepada pemikiran gagasan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam proses pembinaan semula tamadun Malaysia, iaitu pembangunan modal insan. Inilah dasar yang dijalankan di Malaysia. Penekanan pada unsur

insan sebagai modal pembangunan jarang mendapat tempat dalam perbahasan. Perkara yang sering ditekankan ialah sumber alam dan dana. Akibatnya kekayaan yang terdapat di dalam negara Islam diserahkan kepada kuasa-kuasa Barat untuk dikut dengan imbalan kebendaan dalam bentuk dana yang besar, akhirnya yang dinikmati oleh negara Islam yang berkenaan itu hanyalah lambang-lambang dan rupa lahiriah tamadun dalam bentuk lapangan terbang, jalan raya, bangunan, kenderaan, gedung dan berbagai-bagai bentuk keperluan kebendaan yang disangkakan sebagai tamadun, walhal itu semua hanya buah tamadun Islam yang dimanfaatkan oleh Barat. Sebenarnya itu semua bukanlah perkara asas untuk menjana hakikat tamadun akan datang. Ternyata umat Islam ini hanya sebagai pengguna tamadun bukan lagi penyumbang seperti umat Islam dalam zaman pemerintahan khilafah Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyyah dahulu. Amat malang sekali rata-rata pemimpin umat Islam kini masih asyik dengan kemewahan melalui penjualan hasil bumi yang dikurniakan oleh Allah. Lebih malang lagi mereka melihat zaman kegemilangan Islam itu sebagai zaman keruntuhan dengan merujuk satu dua insiden keruntuhan akhlak seorang dua pemimpin umat Islam. Proses pendidikan yang berlaku di negara Islam itu masih pada tahap untuk mendapatkan kemahiran menggunakan produk Barat, bukan ilmu asas untuk menyumbang tamadun kepada Dunia. Mereka terus menerus melahirkan generasi pengagum Barat atau generasi pengguna yang setia.

Jika dilakukan penelitian dan pengkajian yang teliti dan rapi, nescaya didapati bahawa dunia Barat bukanlah segala-galanya, meskipun mereka banyak menguasai peradaban dunia dewasa ini. Barat kian berhadapan dengan ancaman keruntuhan akhlak atau adab (peradaban) akibat sistem pendidikan mereka yang membelakangi nilai-nilai agama. Mereka ingin terus bebas daripada ikatan agama. Mereka menolak ketentuan agama ke atas kehidupan mereka. Mereka menolak gereja daripada hidup mereka biarlah gereja dan paderi dengan urusannya sendiri, manakala masyarakat pula dengan urusan mereka sendiri. Akhirnya lahirlah masyarakat yang anak-anak tidak lagi menghormati ibu bapa, isteri tidak menghormati suami, gejala seks bebas, ahli sains yang mencipta apa sahaja alat atau bahan yang boleh merosakkan tanpa ada kebertanggungjawaban terhadap kesejahteraan sosial.

Oleh itu dalam usaha untuk mengembalikan semula kegemilangan tamadun Islam, al-Butiy menyarankan agar umat Islam menzahirkan perhambaan melalui pelaksanaan sepenuhnya kepada perintah Allah. Di samping itu mereka perlulah memiliki pelan yang menyeluruh bagaimana hendak memulakan kembali usaha dalam membangunkan tamadun tersebut serta tahu tentang cara yang terbaik untuk mengeksplorasi elemen-elemen tamadun dan bahan-bahan asasnya. Seterusnya mereka hendaklah berinteraksi dengan kehidupan dan unit-unit alam di sekitarnya sejajar dengan hakikat yang ditunjukkan Allah kepada mereka, serta berdasarkan ilmu dan metode yang ditetapkan Allah s.w.t.

Nota Hujung

- ¹ al-Amir Syakib Arsalan. 1976. Mengapa Kaum Muslimin Mundur dan Mengapa Kaum Selain Mereka Maju?. Terj. H. Moenawar Chailil. Jakarta: Bulan Bintang.
- ² al-Butiy, Muhammad Said Ramadhan. 2004. Islam Hadhari dalam Pembangunan Insan. Terj. Muhammad Ramzi Bin Omar. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- ³ al-Nadawi, Abul Hasan Ali. 1983. Apa Derita Dunia Bila Islam Mundur. Terj. H. Zubeir Ahmad. Jakarta: Media Da 'wah.
- ⁴ al-'Alwani, Taha Jabir. 1995. Krisis Pemikiran Moden. Terj. Petaling Jaya, Selangor: International Institute of Islamic Thought.
- ⁵ Lewis, B. 2002. What Went Wrong?: Western Impact and Middle Eastern Response. London, Great Britain: Phoenix.
- ⁶ al-Faruqi, Ismail. 1991. Pengislaman Ilmu. Terj. Mustafa Kasim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 2009. www.iiu.edu.my [16 Ogos 2009].
- ⁸ Bank Islam. 2009. www.bankislam.com.my [16 Ogos 2009].
- ⁹ Toffler, A. 1989. Kejutan dan Gelombang. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.